



29 JUN, 2022

## Bil elektrik naik lebih 800 peratus



Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



**BERKAWAL...** Anggota keselamatan Sri Lanka berkawal di luar stesen minyak yang kehabisan petroli di Colombo. Kerajaan Sri Lanka menaikkan kadar caj elektrik lebih 800 peratus ketika negara itu berdepan kehabisan bahan api. • Foto AFP

**COLOMBO:** Monopoli elektrik kerajaan Sri Lanka yang mengalami kerugian besar meminta kenaikan harga yang mengejutkan lebih 800 peratus untuk pelanggar termiskin ketika negara itu berdepan kehabisan bahan api, kata Pengawal Selia pada Isnin lalu.

Sri Lanka dilanda krisis pertukaran asing, menyebabkan ia kekurangan dolar untuk import, termasuk bahan api untuk menjana elektrik dan kegunaan sektor

pengangkutan.

Lembaga Elektrik Ceylon (CEB) kerugian 65 billion rupee (AS\$185 juta) pada suku pertama dan minta kenaikan harga 835 peratus untuk pengguna kuasa terkecil kata Suruhanjaya Kemudahan Awam Sri Lanka (PUCSL).

Pada masa ini, sesiapa yang menggunakan kurang daripada 30 kilowatt sebulan membayar rata 54.27 Rupee (AS\$0.15) dan CEB cuba naikkan kepada 507.65

## Bil elektrik naik lebih 800 peratus

Rupee (AS\$1.44).

"Majoriti pengguna domestik tidak akan mampu menanggung kenaikan mendadak seperti ini.

"Oleh itu, kami mencadangkan subsidi terus daripada Perbadanan Daraharauntuk mengekalkan kenaikan kepada kurang daripada separuh daripada apa yang mereka minta," kata Pengurusi PUCSL Janaka Rathnayake.

Tambahnya, kadar domestik masih belum diputuskan, tetapi harga akan naik 43 hingga 61 peratus untuk pengguna komersial dan industri.

Dalam pada itu, CEB juga akan dibenarkan mengenakan bayaran kepada pengguna yang memperoleh pertukaran asing seperti pengeksport, dalam dolar bagi membantu penjanaan membiayai import minyak dan alat ganti.

Terdahulu, kerajaan melakukan pemotongan elektrik selama 13 jam beberapa bulan lalu, tetapi gangguan bekalan elektrik telah dikurangkan kepada kira-kira empat jam sehari apabila hujan memenuhi takungan kuasa hidro.

Sejak enam bulan lalu, kerajaan Sri Lanka menaikkan harga diesel hampir empat kali ganda dan pe-



**BARISAN PANJANG...**

Pemandu kenderaan beratur di sepanjang jalan untuk membeli bahan api di stesen minyak syarikat petroleum Ceylon di Colombo, Sri Lanka. • Foto AFP

trol lebih daripada dua setengah kali ganda.

Sri Lanka kekal hampir tanpa diesel dan petrol dan menteri

tenaga juga tidak dapat menyatakan tarikh stok segar akan tiba di negara itu, yang tidak mempunyai minyak sendiri.

Kanchana Wijesekera meminta maaf kepada pemandu pada Ahad lalu dan mengumumkan dua menteri dalam perjalanan ke Moscow untuk mendapatkan minyak Rusia yang lebih murah.

Wijesekera sendiri pergi ke Qatar untuk merundingkan syarat konsesi untuk import hidrokarbon.

Sementara itu, delegasi dari Perbendaharaan Amerika Syarikat

(AS) dan Jabatan Negara membuka rundingan dengan Perdana Menteri Ranil Wickremesinghe, kata pejabatnya.

"Amerika Syarikat telah ber-setuju untuk menyediakan bantuan teknikal untuk pengurusan fiskal di Sri Lanka," kata pejabat perdana menteri dalam satu kenyataan ringkas.

Tidak dapat membayar balik hutang asingnya yang berjumlah AS\$1 billion, kerajaan mengisyaratkan ia gagal membayar hutang itu pada April lalu dan sedang berunding dengan Tabung Kewangan Antarabangsa untuk kemungkinan menyelamatkan situasi itu. -AFP